

Memposisikan Jenayah Makanan Dalam Wacana *Fiqh al-'Uqūbah*: Kajian Awal

(Positioning Food Crime in *Fiqh al-'uqūbah* (Jurisprudence of Punishment):
Preliminary Study)

Muhamad Afiq Abd Razak^{1*}, Mohd Anuar Ramli², Mohd Zaid Daud³

^{1,3}Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia

²Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

muhamadafiq@uitm.edu.my

mohdanuar@um.edu.my

mohdzaid@uitm.edu.my

ARTICLE INFO

Article history:

Received 15 July 2025

Revised 27 August 2025

Accepted 8 September 2025

Published 22 September 2025

Keywords:

Food crime

Fiqh al-'uqūbah

Halal

Islamic law

Fiqh jinayah

Katakunci:

Jenayah Makanan

Fiqh al-'uqūbah

Halal

Perundangan Islam

Fiqh Jinayah

DOI:

<https://doi.org/10.24191/jhsmr.v1i1.8990>

ABSTRACT

Food crime is a serious issue often occurs within the food industry. It also impacted halal food supply chain, where halal integrity can no longer be maintained due to unethical act of food crime. Various studies has discussed on food crime, however, there are very few discussing from the perspective of *fiqh al-'uqūbah* (Jurisprudence of punishment) in Islam. Therefore, this study was conducted to discuss food crime within the framework of *fiqh al-'uqūbah* to enlighten their relationship. To achieve the research objectives, this study involves collecting data through literature review and analysis by utilizing qualitative approach. Based on the study findings, there are relationship between food crime in *fiqh al-'uqūbah* through the concept of *takzir* (discretionary punishments). Therefore, based on the principles of Islamic *fiqh al-'uqūbah*, food crime analysed through the pillar of crime (*arkān al-jarīmah*) and fits with the definition of crime from Islamic perspective.

ABSTRAK

Jenayah makanan merupakan isu serius yang sering berlaku di dalam industri makanan. Ia juga terjadi di dalam rantaian bekalan makanan halal, di mana integriti halal tidak lagi dapat dipelihara. Terdapat kajian-kajian terdahulu yang telah membahaskan berkenaan dengan jenayah makanan, namun kebanyakannya tidak begitu membincangkan berkenaan dengan perspektif *fiqh al-'uqūbah* (fiqh hukuman) di dalam Islam. Kajian ini dilaksanakan bagi membahaskan jenayah makanan dalam kerangka *fiqh al-'uqūbah*. Bagi menjawab objektif kajian, kajian ini melibatkan pengumpulan data melalui kajian literatur dan dianalisis menggunakan pendekatan kualitatif. Berdasarkan dapatan kajian, terdapat dalil dari nas yang berkaitan dengan jenayah makanan di dalam Islam. Justeru, ia dapat dihubungkan melalui hukuman takzir berdasarkan *fiqh al-'uqūbah*. Berdasarkan prinsip dalam jenayah Islam, jenayah makanan menepati rukun-rukun jenayah dalam Islam.

^{1*} Corresponding author. muhamadafiq@uitm.edu.my

MEMPOSISIKAN JENAYAH MAKANAN DALAM WACANA FIQH *AL-'UQŪBAH*: KAJIAN AWAL

PENGENALAN

Jenayah makanan merupakan satu ancaman yang sering berlaku di dalam industri makanan. Secara definisinya, jenayah makanan merujuk kepada perbuatan mencemarkan produk makanan secara sengaja dengan tujuan sama ada meraih keuntungan seperti penipuan (*economically motivated adulteration-EMA*) atau dilakukan dengan tujuan tertentu seperti ideologi (*ideologically motivated adulteration*) atau niat jahat. (British Standards Institution, 2017, Manning & Soon, 2016, Spink & Moyer, 2011) Istilah jenayah makanan telah diguna pakai secara meluas di peringkat antarabangsa, dan turut menjadi perhatian bagi pelbagai agensi keselamatan makanan. Istilah jenayah makanan adalah berbeza dari istilah-istilah lain dalam kerangka perlindungan makanan seperti keselamatan makanan mahupun sekuriti makanan. Sungguhpun setiap negara mempunyai perundangan tersendiri dalam menanggapi salah laku pencemaran secara sengaja terhadap makanan namun secara kolektifnya kebanyakan negara di peringkat antarabangsa yang menerima istilah ini sebagai satu kelakuan yang mencemarkan produk makanan secara sengaja, walaupun dilihat istilah jenayah adalah bersifat universal (Manning & Soon, 2016).

Ancaman jenayah makanan yang sering berlaku dalam industri makanan adalah pada kebiasaannya bertujuan meraih kepentingan ekonomi (EMA) di mana bentuk-bentuk penipuan, pengubahan produk secara menyalahi undang-undang, mencampurkan unsur atau bahan yang tidak sepatutnya merupakan antara kes yang signifikan berlaku di dalam perusahaan produk makanan. Lebih serius lagi adalah industri makanan halal juga tidak terlepas dengan jenayah makanan, di mana status halalan tayyiban telah dicemari antaranya seperti yang berlaku seperti kes kartel daging pada tahun 2019 (Abd Razak & Ramli, 2022, Md Ariffin et al., 2021). Kes ini melibatkan rampasan daging sejuk beku yang diimport dari luar negara yang masuk ke Malaysia yang telah dipalsukan maklumat halalnya iaitu sijil dan logo dengan tujuan diedarkan ke dalam pasaran tempatan. Kes ini menjadi polemik nasional serta mendapat perhatian luar negara dan menyebabkan kredibiliti pihak berkuasa berwibawa dipersoalkan dan tanggapan bahawa sistem pengawalan sempadan mempunyai kelompongan sehingga daging-daging tersebut dapat dibawa masuk ke dalam negara (Sahari et al., 2022, Suzalina, 2020). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) merupakan agensi yang dilihat bertanggungjawab menjaga hal ehwal halal, menjadi sasaran persepsi dari pelbagai pihak walaupun hakikatnya, barangan import melibatkan pelbagai lagi agensi lain seperti Jabatan Kastam Diraja, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan sebagainya yang mempunyai bidang kuasa secara khusus di dalam rantai bekalan makanan yang kompleks (Ahmad et al., 2022). Dengan kata lain rentetan kes ini membuktikan bahawa rantai bekalan makanan halal bukan sahaja menghadapi risiko dari sudut pematuhan aspek halal, mahupun tayyiban; iaitu dari sudut kebersihan, sanitasi, kualiti dan keselamatan makanan malah kini melibatkan risiko ancaman bukan kebiasaan iaitu jenayah makanan.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, didapati bahawa isu jenayah makanan sememangnya berlaku dalam konteks penghasilan produk makanan halal semenjak sekian lama. Ia melibatkan pencemaran secara sengaja dengan bahan najis atau yang tidak disembelih, atau yang haram menurut syarak dan juga melibatkan pengubahan label yang disalahguna seperti logo halal palsu, sijil halal palsu, atau maklumat yang menunjukkan seolah-olah haiwan telah disembelih oleh orang Islam dieksploitasi demi mengaut keuntungan (Md Ariffin et al., 2021). Antara isu-isu lain yang menunjukkan modus operandi jenayah makanan halal adalah seperti isu penipuan daging halal (Sulaiman & Hashim, 2022) isu *halal smokies trade* (McElwee et al., 2017), *halal meat scam* (McElwee et al., 2017), *horsemeat scandal* (Salama, 2013), *pork-based halal kebab* (Salama, 2013) merupakan contoh jenayah makanan yang mengeksploitasi pasaran halal bagi pengguna Muslim. Namun, tidak dinafikan bahawa insiden kartel daging pada tahun 2019 membuka lembaran baharu di dalam perbincangan akademik dalam mengupas isu jenayah makanan dalam konteks halal. Ini jelas menjadi satu bentuk ancaman kepada kepentingan umat Islam, lebih-lebih lagi soal makanan merupakan perkara asas bagi kehidupan manusia. Menyorot kajian-kajian lepas, punca

kepada berlakunya jenayah makanan adalah disebabkan oleh pelbagai faktor antaranya disebabkan oleh keuntungan lumayan hasil dari eksploitasi makanan halal disebabkan terdapatnya permintaan yang besar, kelompondan dari sudut perundangan yang menyebabkan ancaman jenayah makanan sukar dikesan, sukar ditangani atau terlepas dari kesan perundangan. Selain itu, antara punca lain adalah dari sudut integriti dalam kalangan pihak berkuasa, tahap kesedaran yang rendah oleh pemain industri sendiri dan wujudnya sinergi di antara rangkaian formal dan tidak formal pelaku jenayah makanan yang licik sehingga ia sukar dibendung.

Selanjutnya, hasil dari tinjauan literatur yang dilaksanakan, adalah didapati bahawa masih tidak banyak kajian yang dibuat secara khusus yang membahaskan antara jenayah makanan dengan perundangan Islam. Ini termasuklah perbincangan lebih khusus melibatkan *fiqh al-'uqūbah*. *Fiqh al-'uqūbah* atau fiqh jinayah merupakan cabang dalam disiplin fiqh yang membahaskan tentang jenayah dari sudut syarak serta hukuman-hukumannya seperti hudud, qisas, diyat, dan takzir serta menyentuh jenis-jenis jenayah atau '*jarimah*' (الجريمة) yang diklasifikasikan di bawah hukuman-hukuman tersebut. Walaubagaimanapun, kajian-kajian yang menghampiri kepada konsep jenayah makanan adalah penipuan dalam urusan jual beli. Ini adalah seperti mana yang dikemukakan oleh ulama silam seperti Ibnu Hajar al-'Asqalani dan Imam al-Nawawi. Di dalam kitab Fathul Bari syarahan kepada Sahih al-Bukhari, Ibnu Hajar al-'Asqalani menghuraikan hadis Rasulullah saw dari Abu Salamah berkaitan larangan menjual kurma campuran sebagaimana berikut:

عن أبي سلمة عن أبي سعيد رضي الله عنه قال كنا نرزق تمر الجمع وهو الخلط من التمر وكنا نبيع صاعين بصاع فقال النبي صلى الله عليه وسلم لا صاعين بصاع ولا درهمين بدرهم

Terjemahan: Dari Abu Salamah, dari Abu Sa'id, dia berkata, "Kami diberikan rezeki berupa kurma Jam' iaitu kurma campuran. Kami biasa menjual (menukar) dua sa' dengan satu sa'. Maka Nabi saw bersabda: Tidak boleh menukar/menjual dua sa' dengan satu sa' dan tidak pula dua dirham dengan satu dirham.

Dalam menghuraikan hadis ini, Ibnu Hajar al-'Asqalani menyatakan bahawa larangan ini adalah termasuk menjual kurma campuran dalam satu bejana yang bermutu baik dan bermutu buruk (Ibnu Hajar al-'Asqalani, 2002). Berdasarkan hadis ini, dari sudut fiqh al-'uqūbah, apa yang dapat diketahui adalah Nabi saw melarang dalam erti kata membatalkan akad dan memberi amaran yang keras terhadap jual beli atas dasar penipuan. Tidak dapat ditemui berkaitan dengan hukuman khusus seperti hudud yang ditetapkan untuk jenayah makanan.

Selanjutnya Imam Nawawi turut mengupas berkaitan dengan urusan jual beli makanan yang melibatkan penipuan sebagaimana hadith berikut:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ أَتَى بَلْبَنٍ قَدْ شِيبَ بَمَاءٍ، وَعَنْ يَمِينِهِ أَعْرَابِيٌّ، وَعَنْ شِمَالِهِ أَبُو بَكْرٍ، فَشَرِبَ ثُمَّ أَعْطَى الْأَعْرَابِيَّ، وَقَالَ: الْأَيْمَنُ فَالْأَيْمَنُ

Terjemahan: Rasulullah SAW pernah diberi susu yang telah dicampur dengan air, sementara di sebelah kanannya terdapat seorang Arab Badwi. Manakala sebelah kirinya adalah Abu Bakar. Kemudian, baginda meminum susu tersebut. Kemudian, baginda memberikan (lebihan) susu tersebut kepada Arab Badwi itu sambil bersabda : "(Dahulukan) yang kanan dan kanan.

Riwayat Bukhari

Dalam menghuraikan hadis ini, Imam Nawawi menyebutkan dalam Majmu' Syarh al-Muhazzab (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2020) :

هُيَ عَنْ شَوْبِهِ إِذَا أَرَادَ بَيْعَهُ لِأَنَّهُ غَشٌّ

Terjemahan: Selain itu, tidak dibenarkan untuk mencampurkannya (dengan air) sekiranya dia mahu menjualnya kerana itu adalah termasuk dalam menipu.

Berdasarkan nukilan-nukilan ini, dapat dirumuskan bahawa, ‘uqūbah kepada jenayah makanan adalah tertumpu kepada pembatalan akad, larangan keras dan ancaman dan tidak terdapat penetapan hudud secara khusus.

Oleh itu, bagi mengembangkan lagi capahan kajian jenayah makanan dalam Islam, kajian ini menetapkan tiga (3) persoalan kajian. Bagi kajian ini, persoalan yang ingin dikaji adalah pertama, apakah konsep jenayah makanan dari sudut perspektif fiqh jinayah Islam; kedua, apakah pandangan syariat Islam terhadap jenayah makanan dari sudut takrifnya; dan ketiga apakah pandangan dari sudut hukuman berlandaskan syarak terhadap perbuatan jenayah makanan. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti konsep jenayah makanan dalam perspektif fiqh jinayah Islam, menganalisis pandangan syariat Islam dari perspektif takrifnya dan mengkaji hukuman syarak terhadap perbuatan jenayah makanan. Kajian ini turut melibatkan penelitian terhadap sejauh mana prinsip-prinsip syariah dapat diaplikasikan dalam menangani isu jenayah makanan dan penipuan dalam rantai makanan. Kajian ini menumpukan kepada jenayah makanan seperti penjualan makanan haram, tercemar, atau tidak selamat untuk dimakan, serta mengenal pasti kategori hukuman yang relevan sama ada di bawah hudud, qisas atau takzir.

Konsep Fiqh al-‘uqūbah

Fiqh al-‘uqūbah atau fiqh *jināyah* merupakan cabang penting dalam disiplin fiqh Islam yang membahaskan undang-undang berkaitan jenayah dan hukuman menurut syariah Islam. Ia merangkumi perbincangan berkaitan dengan kesalahan atau jenayah yang disebut sebagai *al-jarimah* (الجريمة) atau *al-jinayah* (الجنائية) serta hukuman-hukuman (العقوبة) yang diperuntukkan oleh syarak seperti jenayah hudud, qisas, dan takzir (Al-‘Amri & Al-‘Ani, 2010). Hudud merujuk kepada hukuman yang telah ditetapkan oleh Allah SWT seperti zina, mencuri, minum arak, dan murtad. Manakala qisas berkait dengan balasan setimpal terhadap kesalahan jenayah yang dilakukan terhadap tubuh badan seperti pembunuhan atau kecederaan. Takzir pula meliputi kesalahan yang tidak ditetapkan hukuman khusus dalam al-Qur’an atau sunnah, dan hukumannya diserahkan kepada pertimbangan hakim atau pemerintah. Objektif utama fiqh al-‘uqūbah ialah untuk memelihara lima maqasid syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, harta, dan keturunan di samping memastikan keadilan ditegakkan serta keharmonian dalam masyarakat. Ini kerana hukuman-hukuman terhadap jenayah dalam Islam adalah sebagai satu bentuk ancaman agar manusia menghindarkan diri daripada perlakuan-perlakuan tersebut. Berdasarkan literatur, fiqh al-‘uqūbah dapat ditakrifkan sebagai (Al-‘Amri & Al-‘Ani, 2010):

مجموعة القواعد والأحكام المتعلقة بالجرائم وعقوباتها

Terjemahan: Himpunan kaedah-kaedah dan hukum-hukum berkaitan dengan perbuatan jenayah dan hukumannya.

Intipati utama yang dibahaskan di dalam fiqh al-‘uqūbah adalah berkaitan perbuatan jenayah dalam Islam. Dalam bahasa Arab, jenayah disebut sebagai *al-jarimah* atau *al-jināyah*. Dari sudut bahasa, al-jaram (الجرم) bermaksud dosa. Dari sudut syarak ia bermaksud:

المحظورات شرعية زجر الله عنها بحد أو تعزير، والحد أو التعزير هو العقوبة المقررة شرعا

Terjemahan: Perkara-perkara yang dilarang secara syarak yang ditegah oleh Allah swt dengan hukuman had (hudud) atau takzir, iaitu hukuman yang ditetapkan secara syarak.

Jenayah dari sudut bahasa adalah:

ما يفعله الإنسان مما يوجب العقاب أو القصاص في الدنيا والآخرة

Terjemahan: Apa yang dilakukan oleh manusia yang mewajibkan hukuman (ke atasnya) atau qisas (balasan setimpal) di dunia dan akhirat.

اسم لفعل محرم شرعا سواء اكان في مال، أم في نفس، أم غير ذلك

Terjemahan: kata nama bagi perbuatan yang diharamkan secara syarak sama ada berlaku pada harta, atas nyawa atau selainnya.

الفعل المؤثم الواقع على النفس والأطراف سواء أكان قتلا أم ضربا أم جرحا أم غير ذلك

Terjemahan: Perbuatan buruk yang mengambil tempat ke atas nyawa dan anggota tubuh badan sama ada dilakukan secara pembunuhan, pukulan atau kecederaan atau selainnya.

Melalui pentakrifan-pentakrifan ini adalah dapat disimpulkan bahawa jenayah dikenali dengan istilah *jarimah* atau *jinayah*. Secara umumnya, dua perkataan ini digunakan untuk merujuk kepada perkara yang sama. Sungguhpun demikian, terdapat sebahagian ulama yang membuat sedikit perbezaan di antara keduanya. Kebanyakan ulama klasik menggunakan istilah *jinayah* merujuk kepada perbuatan jenayah dalam perbahasan hudud, qisas dan diyat, manakala *jarimah* lebih banyak digunakan dalam penulisan ulama kontemporari. Sebahagian besar ulama juga membuat perincian bahawa perkataan *jarimah* lebih umum yang boleh merujuk kepada jenis-jenis jenayah yang lain dari sudut perundangan moden walaupun tidak berkaitan secara langsung dengan perundangan Islam.

Berdasarkan kepada fiqh *al-‘uqūbah*, sesuatu perbuatan itu dikira sebagai jenayah mestilah menepati kepada tiga rukun jenayah. Dalam menentukan sesuatu perbuatan itu menepati kepada rukun jenayah atau *arkān al-jarimah* (أركان الجريمة) (Nik Wajis, 2025, Al-‘Amri & Al-‘Ani, 2010):

- (i) *Rukn al-adābī/rukun al-ma‘nawī* (elemen moral): elemen niat pelaku yang melakukan jenayah yang membawa kepada perlakuan jenayah tersebut. Pelaku tersebut mestilah sedar bahawa tindakan itu adalah salah, dan dilakukan dengan kehendak dan bukan dalam keadaan dipaksa.
- (ii) *Rukn al-mādi/ ‘unsr al-mādi* (elemen fizikal): elemen fizikal di mana perbuatan jenayah itu dilakukan seperti mencuri, membunuh dan sebagainya.
- (iii) *Rukn al-syar‘i/ ‘unsr al-syar‘i* (elemen syarak): elemen nas syarak yang mengharamkan perbuatan dan diancam dengan hukuman.

Bagi menilai kedudukan jenayah makanan dalam konteks fiqh *al-‘uqūbah*, ia dapat dinilai melalui tiga syarat ini seterusnya melihat dari aspek penghukuman dalam Islam. Berdasarkan penghukuman jenayah di dalam Islam, ia terbahagi mengikut tingkatan keseriusan hukuman kepada tiga yang utama (Al-‘Amri & Al-‘Ani, 2010):

- (i) Jenayah-jenayah hudud (جرائم الحدود); iaitu merujuk kepada jenayah-jenayah yang memberi ancaman atau kecerobohan terhadap keseluruhan struktur sosial atau moral masyarakat, di mana wajib menegakkan hak Allah swt berbanding hak individu iaitu melalui hukuman had yang telah ditetapkan oleh Allah swt. Jenayah-jenayah hudud terbahagi kepada tujuh iaitu zina, qazaf, minum arak, mencuri, hirabah, murtad dan memberontak (*al-baghy*).
- (ii) Jenayah-jenayah qisas dan diyat (جرائم القصاص والديات); iaitu merujuk kepada jenayah-jenayah hukuman yang telah ditetapkan lebih awal di dalam al-Qur‘an dan al-Sunnah di mana telah

menentukan jenis jenayah tersebut dan hukuman tertentu serta bukan semata-mata hak Allah yang ditegakkan, tetapi juga hak ke atas individu atau waris mangsa. Jenayah jenis ini adalah melibatkan nyawa manusia atau anggota badan serta terdapat pilihan kemaafan dari waris mangsa. Terdapat lima jenis jenayah di bawah kategori ini iaitu, bunuh dengan sengaja (القتل العمد), bunuh separa sengaja (القتل شبه العمد), bunuh secara tidak sengaja (القتل الخطأ), jenayah ke atas seseorang tanpa melibatkan nyawa secara sengaja (الجناية على ما دون النفس عمدا) dan jenayah tanpa melibatkan nyawa ke atas seseorang secara tidak sengaja (الجناية على ما دون النفس خطأ).

- (iii) Jenayah-jenayah takzir (جرائم التعزير); merujuk kepada jenayah-jenayah yang tidak ditentukan secara khusus di dalam nas syarak al-Quran dan al-Sunnah serta tidak terbatas jumlahnya. Hukuman bagi jenis jenayah ini adalah ditentukan mengikut kebijaksanaan ulul amri atau pemerintah dan hakim agar setimpal dengan jenayah yang dilakukan supaya perbuatan itu tidak diulangi lagi.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi menjawab persoalan kajian serta objektif kajian yang telah dibangunkan, kajian ini telah melibatkan metode kualitatif bagi pengumpulan data iaitu kajian literatur sepenuhnya. Metode ini melibatkan kajian literatur bersumberkan kepada literatur fiqh dan artikel-artikel ilmiah yang diperolehi dari pengkalan data Google Scholar, ResearchGate, Scopus. Manakala bagi analisis data, pendekatan kualitatif iaitu analisis kandungan dilaksanakan dan analisis lanjut dilakukan menggunakan pendekatan deduktif, induktif dan tringulasi maklumat bagi mendapatkan kesimpulan yang tuntas.

HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

(i) Mekanisme Jenayah Makanan


Jenayah makanan merujuk kepada sebarang aktiviti yang melibatkan manipulasi makanan secara haram untuk keuntungan ekonomi. Menurut National Food Crime Unit, United Kingdom definisi jenayah makanan adalah *“ketidakjujuran berkaitan dengan penghasilan atau pembekalan makanan, sama ada yang kompleks atau yang boleh menjadi kemudaratan kepada pengguna, perniagaan dan terhadap keseluruhan kepentingan awam*. Ia termasuk pelbagai amalan seperti penipuan makanan, pemalsuan dan pelanggaran piawaian kawal selia atau lebih dikenali sebagai pencemaran bermotifkan ekonomi (*Economically Motivated Adulteration-EMA*). EMA merupakan amalan penipuan yang dilakukan secara sengaja di mana produk makanan digubah secara sengaja demi memperoleh keuntungan ekonomi secara salah. Sebagai salah satu bentuk jenayah makanan, EMA menyebabkan hilangnya keyakinan dalam kalangan pengguna serta mengundang risiko kerana menyalahi undang-undang keselamatan makanan disebabkan oleh kemasukan bahan-bahan yang tidak sepatutnya ke dalam makanan. Ia bukan sahaja membawa potensi risiko kesihatan kepada pengguna seperti insiden skandal melamine yang dicampurkan dalam produk susu, malah membawa kepada potensi percampuran unsur-unsur tidak halal ke dalam produk makanan yang digunakan oleh orang Islam. Kerumitan dan sifat global rantai bekalan makanan menjadikan mereka terdedah kepada jenayah ini. Bagi rantai bekalan halal, implikasinya lebih teruk kerana jenayah sebegini menjejaskan bukan sahaja kepercayaan pengguna tetapi juga pematuhan agama.

Menghurai lanjut berkaitan jenayah makanan, Rosa et al., (2018) penipuan makanan merupakan bentuk jenayah makanan yang bertujuan untuk kepentingan peribadi atau menyebabkan kerugian kepada pihak lain. Istilah penipuan makanan merujuk kepada pencemaran sengaja sama ada melibatkan penggantian, penambahan, pencerobohan, atau salah representasi. Jenayah makanan menimbulkan cabaran serius terhadap integriti dan kredibiliti rantai bekalan halal. Menangani isu ini memerlukan usaha bersepadu untuk meningkatkan ketelusan, menyeragamkan proses pensijilan dan memanfaatkan teknologi termaju. Memastikan integriti rantai bekalan halal bukan sahaja melindungi kepercayaan pengguna tetapi juga menegakkan nilai etika dan agama yang menjadi pusat kepada pengeluaran halal. Bagi menganalisis jenayah makanan dalam konteks *al-‘uqūbah*, adalah penting bagi memahami

mekanisme jenayah makanan agar dapat ditentukan sama ada ia menepati kepada rukun jenayah (*arkān al-jarīmah*) dalam Islam di samping melihat kepada konteks hukuman. Mekanisme jenayah makanan adalah sebagaimana rajah di bawah:

Rajah 1. Mekanisme jenayah makanan bermotifkan ekonomi (*economically motivated adulteration* – EMA)

Mekanisme Jenayah Makanan: *Economically Motivated Adulteration* (EMA)



Sumber: Pengkaji

Jenayah Makanan dan Dalil Syarak

Berdasarkan mekanisme jenayah makanan bagi kategori EMA, adalah didapati bahawa unsur utama kepada perlakuan jenayah makanan adalah penipuan. Ia didorong dengan motif untuk memperoleh keuntungan tetapi tidak mahu mengikuti syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh peraturan dan

perundangan lantas melakukan penipuan dalam pelbagai aspek; seperti pemalsuan logo halal, pemalsuan sijil halal, pemalsuan maklumat pada label, penggunaan bahan yang diragui yang tidak diisytiharkan, percampuran ramuan-ramuan yang tidak halal dan sebagainya. Oleh yang demikian, terdapat nas dari al-Quran dan al-Sunnah yang menyatakan secara langsung berkaitan dengan penipuan dalam perniagaan yang dapat dikaitkan dengan jenayah makanan.

Di dalam al-Quran, Allah swt berfirman:

وَيْلٌ لِّلْمُطَفِّفِينَ ﴿١﴾ الَّذِينَ إِذَا اكْتَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ ﴿٢﴾ وَإِذَا كَالُوهُمْ أَوْ وَزَنُوهُمْ يُخْسِرُونَ ﴿٣﴾

Terjemahan: Kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang curang, (iaitu) orang-orang yang apabila menerima takaran dari orang lain mereka minta dipenuhi, dan apabila mereka menakar atau menimbang untuk orang lain, mereka mengurangi

Surah al-Mutaffifin, 83:1-3

Ayat 1-3 dari Surah al-Mutaffifin ini merupakan ancaman dan larangan Allah swt terhadap penipuan timbangan dan sukatan terhadap barangan yang diniagakan. Larangan ini adalah relevan terhadap konteks jenayah makanan yang melibatkan penipuan kuantiti makanan atau mencampurkan bahan yang tidak halal atau yang tidak sepatutnya ke dalam makanan secara tidak sah dan tanpa pemakluman pihak pengguna.

Di dalam Surah al-Baqarah, Allah swt berfirman:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُم بَيْنَكُم بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِيَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ ٢٨٤

Terjemahan: Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)

Surah al-Baqarah, 2:188

Berdasarkan ayat ini, Allah swt menegah perbuatan memperolehi pendapatan dengan cara yang tidak betul. Jenayah makanan merupakan perbuatan yang dilakukan atas dasar penipuan demi keuntungan maka adalah relevan berkaitan ayat ini. Penjualan produk makanan yang menggunakan bahan yang tidak halal dan tidak selamat merupakan cara yang batil di dalam perniagaan.

Bagi nas al-Sunnah, terdapat larangan dan tegahan dari Rasulullah saw yang dapat dikaitkan dengan jenayah makanan. Ini sebagaimana hadith berikut:

وَمَنْ غَشَّنَا فَلَيْسَ مِنَّا

Terjemahan: Dan barangsiapa yang menipu kami maka bukanlah dia daripada kalangan kami.

Riwayat Muslim

Di dalam hadith yang lain, Rasulullah saw bersabda:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ عَلَى صُبْرَةٍ طَعَامٍ فَأَدْخَلَ يَدَهُ فِيهَا، فَنَالَتْ أَصَابِعُهُ بَلَلًا فَقَالَ: مَا هَذَا يَا صَاحِبَ الطَّعَامِ؟ قَالَ أَصَابَتْهُ السَّمَاءُ يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَالَ: أَفَلَا جَعَلْتَهُ فَوْقَ الطَّعَامِ كَيْ يَرَاهُ النَّاسُ، مَنْ غَشَّ فَلَيْسَ مِنِّي

Terjemahan: Rasulullah saw pernah lalu pada hadapan makanan (di pasar), maka baginda memasukkan tangannya ke dalamnya kemudian tangan baginda telah tersentuh sesuatu yang basah, maka baginda pun bertanya, “Apakah ini wahai pemilik makanan?” Si pemiliknya menjawab, “Makanan tersebut terkena air hujan wahai Rasulullah.” Baginda bersabda, “Mengapa kamu tidak meletakkannya di bahagian atas supaya orang-orang dapat melihatnya. Hendaklah kamu ketahui bahawa barangsiapa menipu maka dia bukan dari golongan kami.

Riwayat Muslim

Berdasarkan kepada nas-nas yang dikemukakan, terdapat larangan yang jelas dari al-Quran dan al-Sunnah berkaitan dengan jenayah makanan.

(ii) Analisis Hukum Jenayah Makanan berdasarkan fiqh *al-‘uqūbah*

Bagi mengenalpasti kedudukan jenayah makanan dalam kerangka fiqh *al-‘uqūbah*, adalah perlu diketahui berkaitan peruntukan undang-undang sedia ada dalam konteks Malaysia. Jenayah makanan dapat dibahagikan kepada dua sudut iaitu sudut bidang kuasa halal iaitu Akta Perihal Dagangan 2011 dan bidang kuasa keselamatan makanan iaitu Akta Makanan 1983.

Takrifan halal dari sudut perundangan (Zakaria & Ismail, 2015):

- (i) Bukanlah dan tidaklah terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahagian atau benda daripada binatang yang dilarang oleh hukum Syarak bagi orang Islam untuk memakannya atau yang tidak disembelih mengikut hukum Syarak;
- (ii) Tidak mengandungi apa-apa benda yang najis mengikut hukum Syarak;
- (iii) Tidak memabukkan mengikut hukum Syarak;
- (iv) Tidak mengandungi mana-mana bahagian anggota manusia atau hasilan daripadanya yang tidak dibenarkan oleh hukum Syarak;
- (v) Tidak beracun atau memudaratkan kesihatan;
- (vi) Tidak disediakan, diproses atau dikilang menggunakan apa-apa peralatan yang dicemari najis mengikut hukum Syarak;
- (vii) Tidaklah dalam masa menyediakan, memproses atau menyimpannya bersentuhan, bercampur atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang gagal memenuhi perenggan (a) dan (b).”

Berdasarkan hukuman dari sudut perundangan sedia ada di Malaysia, peruntukan undang-undang yang melibatkan jenayah makanan dalam industri halal adalah tertakluk kepada Akta Perihal Dagangan 2011 yang dapat diringkaskan sebagaimana berikut (Zakaria & Ismail, 2015):

PPD (Takrif Halal) 2011. Seksyen 4(1)

“Mana-mana orang yang membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan apa-apa makanan dengan membuat apa-apa representasi atau perbuatan yang boleh memperdayakan atau mengelirukan mana-mana orang bahawa makanan itu adalah halal dan boleh dimakan oleh orang Islam adalah melakukan suatu kesalahan.”

Selanjutnya, bagi hukuman terhadap kesalahan jenayah makanan halal ianya telah diperuntukkan di bawah Seksyen 5 yang menyebutkan:

“Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Perintah ini boleh, apabila disabitkan:

Jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit; atau

Jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.”

Jadual 1. Penalti yang dikenakan atas kesalahan halal. Sumber: (Zakaria & Ismail, 2015)

Penalti di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 (seksyen 28)	Penalti di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 (seksyen 29)
Individu	Individu
1. Kesalahan pertama:-Denda sehingga RM 1 juta atau 3 tahun penjara atau kedua-duanya sekali.	Kesalahan pertama:- Denda tidak melebihi RM100,000 atau 3 tahun penjara atau kedua-duanya sekali
2. Kesalahan kedua dan berikutnya:-Denda tidak melebihi RM5 juta atau 5 tahun penjara atau kedua-duanya sekali	Kesalahan kedua:-Denda RM250,000
Pertubuhan/Perbadanan	Pertubuhan/Perbadanan
1. Kesalahan pertama:-Denda adalah sehingga RM5 juta	Kesalahan pertama:-Denda adalah sehingga RM250,000
2. Kesalahan kedua dan berikutnya:-Denda tidak melebihi RM10juta	Kesalahan kedua:- Denda RM500,000

Dari perspektif undang-undang berkaitan makanan, perbuatan jenayah makanan secara umumnya boleh disabitkan di bawah Akta Makanan 1983. Akta ini memperuntukkan bahawa mana-mana pihak yang menghasilkan atau menjual produk makanan yang dicemarkan secara sengaja sebagaimana berikut:

- (i) Seksyen 13 Akta Makanan 1983 berkaitan dengan kesalahan menjual atau menyediakan makanan yang mengandungi bahan yang memudaratkan kesihatan. Jika sabit kesalahan, pesalah boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 10 tahun, atau kedua-duanya sekali.
- (ii) Selain itu, Seksyen 13(2)(e) juga menyebutkan bahawa makanan yang diadukkan (dicampur dengan bahan lain) yang tidak mematuhi standard atau spesifikasi yang ditetapkan oleh Akta Makanan adalah kesalahan. Pelanggaran seksyen ini boleh membawa hukuman denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

Dari sudut fiqh *al-'uqūbah* atau fiqh *jināyah*, kesalahan jenayah makanan tidak dinyatakan secara langsung atau eksplisit di dalam nas sama ada dalam al-Quran dan al-Sunnah. Sungguhpun demikian, syariat Islam ada menetapkan bahawa Islam mengharamkan unsur penipuan dan memperoleh harta secara batil. Jenayah makanan berbentuk pencemaran makanan berniatkan ekonomi (*economically motivated adulteration*) merupakan perbuatan yang tercela, bercanggah dengan ruh syariat Islam dan mengakibatkan kerugian kepada harta umat Islam. Bahkan, ia boleh mengancam kepada sumber bekalan umat Islam khususnya apabila melibatkan unsur yang haram seperti khinzir dan selainnya dimasukkan di dalam makanan halal demi mengaut keuntungan. Berikut merupakan ringkasan kepada syarat jenayah menurut Islam berdasarkan jenis jenayah makanan EMA:

Jadual 2. Analisis jenayah makanan berdasarkan rukun jenayah (*arkān al-jarīmah*).

	<i>Rukn al-syar'i</i>	<i>Rukn al-madi</i>	<i>Rukn al-adabi</i>
Jenayah makanan	Dari sudut rukun syarak, terdapat dalil-dalil nas	Dari sudut rukun material, perbuatan secara fizikal	Dari sudut rukun motif, pelaku jenayah makanan

- Pencemaran berniatkan ekonomi (<i>economically motivated adulteration</i>)	syarak dari al-Quran dan al-Sunnah yang menegah dari melakukan penipuan di dalam perniagaan.	pelaku jenayah makanan seperti mencampurkan bahan yang tidak halal ke dalam produk atau mencetak maklumat halal yang palsu pada produk.	mengetahui bahawa menjadi satu kesalahan menggunakan perkataan halal pada produk yang tidak mematuhi syarat halal.
---	--	---	--

Sumber: Analisis pengkaji

Jadual 3. Analisis hukuman (*al-‘uqūbah*) terhadap jenayah makanan di dalam Islam.

	Hudud	Qisas dan Diyat	Takzir
Jenayah Makanan	Secara umumnya, bagi kategori jenayah makanan EMA, ia tidak sampai kepada tahap jenayah hudud, memandangkan ia tidak termasuk dalam 7 bentuk jenayah hudud. Namun jika jenayah yang dimaksudkan adalah melibatkan kehilangan nyawa dengan melaksanakan pembunuhan secara sengaja (<i>qatl ‘amd</i>), maka hukuman jenayah hudud terpakai.	Secara umumnya, bagi kategori jenayah makanan EMA, ia tidak sampai kepada tahap jenayah qisas, kerana qisas melibatkan jenayah yang dilakukan ke atas nyawa dan anggota badan manusia. Namun jika jenayah yang dimaksudkan adalah melibatkan kehilangan nyawa dengan melaksanakan pembunuhan separa sengaja (<i>shibh al-‘amd</i>) atau tidak sengaja (<i>khata’</i>), maka hukumannya boleh dikenakan <i>diyat</i> atau takzir.	Secara umumnya, bagi kategori jenayah makanan EMA, ia adalah di bawah jenayah takzir, kerana terdapat larangan dalam syarak, namun tidak ada penetapan hukuman secara langsung padanya. Di samping jenayah makanan adalah kesalahan dari sudut hukum alat atau hukum muamalat, ia adalah tertakluk kepada ulul amri dan hakim bagi memutuskan hukuman sesuai dengan kadar jenayah supaya pelaku jenayah tidak mengulanginya lagi.

Sumber: Analisis pengkaji

(iii) Kedudukan Hukum Jenayah Makanan dalam Perspektif Fiqh Jenayah Islam

Secara asasnya, jenayah makanan tidak termasuk dalam kategori hudud, kerana hudud hanya merangkumi tujuh kesalahan besar yang telah ditetapkan oleh al-Qur’an dan al-Sunnah. Begitu juga, ia tidak termasuk dalam kategori qisās kerana qisās berkaitan dengan kesalahan yang dilakukan terhadap nyawa dan anggota badan manusia. Walau bagaimanapun, jika jenayah makanan mengakibatkan kehilangan nyawa, contohnya kematian akibat penipuan makanan beracun, maka hukum qisās, diyat atau takzir boleh dikenakan bergantung kepada bentuk kesalahan yang dilakukan sama ada pembunuhan sengaja (*qatl al-‘amd*), separa sengaja (*shibh al-‘amd*), atau tidak sengaja (*khata’*) (al-Jazīrī, 1990).

Dalam kebanyakan keadaan, jenayah makanan lebih tepat diletakkan di bawah kategori takzir, iaitu kesalahan yang dilarang oleh syarak tetapi tidak ditentukan bentuk dan kadar hukumannya secara spesifik dalam nas. Imam al-Qarāfī (1998) menjelaskan bahawa sebarang perbuatan yang membawa mudarat kepada masyarakat walaupun tidak termasuk dalam hudud atau qisās tetap boleh dikenakan hukuman takzir, kerana ia selari dengan prinsip *sadd al-dharā’i* (menutup jalan kerosakan) dan menjaga *maqāsid al-sharī’ah*.

Selain itu, konsep takzir dalam perundangan Islam juga meliputi kesalahan hudud dan qisās yang tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan rukun, syarat, atau adanya halangan tertentu. Dalam situasi sebegini, takzir boleh dijadikan hukuman gantian, tetapi tidak boleh menggugurkan hudud atau qisās yang telah terbukti. Ia juga boleh berfungsi sebagai hukuman tambahan (Ab Majid 2001). Oleh itu, ruang lingkup takzir amat luas dan fleksibel, membolehkan pemerintah atau hakim menentukan bentuk serta

kadar hukuman mengikut konteks kesalahan yang dilakukan, dengan tujuan memberi pengajaran (*zajr*), mencegah jenayah (*rad'*), serta memulihkan pesalah (*islāh*) (Bahnasi 1991).

Dalam konteks jenayah makanan, takzir adalah bentuk hukuman yang paling sesuai kerana ia memberi peluang kepada pihak berautoriti menentukan hukuman yang setimpal dengan tahap kesalahan, sambil memastikan kepentingan umum dipelihara. Sejarah perundangan Islam juga membuktikan bahawa pelaksanaan takzir berkembang seiring dengan keperluan zaman dan konteks sosial. Islam tidak menghalang pelaksanaan pelbagai bentuk hukuman takzir selagi ia selaras dengan falsafah hukuman Islam untuk menegakkan keadilan, mencegah kerosakan, dan menjaga maslahat masyarakat.

Maka secara umumnya, kesalahan jenayah makanan tidak termasuk dalam al-jarimah yang dikategorikan jaraim al-hudud kerana ia tidak termasuk dalam mana-mana tujuh (7) jenayah sama ada: zina, qazaf, minum arak, curi, *hirābah*, murtad dan memberontak. Ia adalah termasuk dalam kesalahan dari sudut hukum alat, dan takzir iaitu tertakluk kepada pemerintah (*ulul amri*). Ini kerana bagi kesalahan dalam bentuk penipuan atau pencemaran berniatkan ekonomi, ia tidak ditentukan secara khusus akan kadar ukurannya, dan ia diserahkan kepada ijtihad hakim dalam memperuntukkan hukuman secara autoritinya, dalam keadaan bahawa hukuman itu dapat mencegah pelakunya dari mengulangi perbuatan jenayah makanan itu kembali. Peruntukan undang-undang sedia ada melalui Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Makanan 1983 yang dikenakan bagi kesalahan jenayah makanan dalam bentuk penipuan atau pencemaran berniatkan ekonomi, adalah dilihat selari dengan kerangka fiqh *al-'uqūbah* dalam Islam di mana ia adalah berbentuk jarimah takzir yang memiliki penetapan minimum dan maksimum mewujudkan keadilan disebabkan perbuatan tersebut yang memberi kesan kepada kemaslahatan umat Islam.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian ini, adalah didapati bahawa jenayah makanan menepati kepada takrifan jenayah melalui rukun jenayah dalam Islam. Ianya memenuhi kepada ketiga-tiga *arkān al-jarīmah* iaitu rukun syarak (*rukn al-syar'i*) memiliki nas dan undang-undang, rukun material (*rukn al-mādi*) perbuatan melakukan jenayah dan rukun pada sudut niat jenayah (*rukn al-adābi*) iaitu sedar dan mengetahui kesalahan jenayah makanan. Dalam konteks fiqh *al-'uqūbah*, perlindungan terhadap nyawa (*hifz al-nafs*) dan akal (*hifz al-'aql*) meletakkan isu makanan sebagai suatu aspek kritikal kerana makanan menjadi perkara asas bagi kelangsungan hidup dan kemaslahatan manusia. Oleh itu, perbuatan jenayah berkaitan makanan seperti penipuan label dan logo halal, penggunaan bahan-bahan tidak halal yang dicampurkan, serta pengilangan makanan secara tidak sah merupakan suatu bentuk jenayah yang diiktiraf di dalam Islam. Dari perspektif perundangan Islam, fiqh *al-'uqūbah* memberi ruang kepada pelaksanaan hukuman takzir terhadap pelaku jenayah makanan, yang boleh disesuaikan berdasarkan tahap kemudaratan dan niat pelaku. Namun sekiranya jenayah yang dilakukan adalah melibatkan kehilangan nyawa, hukuman hudud dan qisas boleh dilaksanakan. Selain itu, terdapat keperluan untuk penyelarasan antara undang-undang sivil dan prinsip fiqh Islam agar sistem penguatkuasaan lebih menyeluruh dan berkesan dalam menangani isu ini. Selanjutnya, memandangkan kajian ini adalah bersifat eksplorasi dan tinjauan awal, kajian lanjut adalah sangat diperlukan bagi meneliti secara terperinci spektrum-spektrum yang ada di dalam jenayah makanan dengan analisis fiqh *al-'uqūbah* dan fiqh *al-jināyah* agar memantapkan lagi posisi jenayah makanan dalam perspektif perundangan Islam.

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada sokongan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, Selangor, Malaysia atas sokongan dari segi kemudahan untuk menjayakan penyelidikan ini.

PENYATA KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis bersetuju bahawa penyelidikan ini dijalankan tanpa sebarang konflik kepentingan diri, komersial atau kewangan dan mengisytiharkan ketiadaan kepentingan yang bercanggah dengan pembiayaan.

SUMBANGAN PENULIS

Muhamad Afiq Abd Razak menjalankan penyelidikan, menulis menyusun bahan serta hasil kajian di dalam pembangunan artikel dan gerak kerja sehingga penyerahan artikel. Mohd Anuar Ramli menyumbangkan input kajian, menyelia kemajuan penyelidikan serta membuat semakan semula artikel tersebut berdasarkan kesesuaian dan ketepatan. Mohd Zaid Daud memberikan sumbangan dalam bentuk membantu mengkonseptualisasikan idea penyelidikan dan menyediakan rangka kerja teoritikal kajian sebagai dasar penyelidikan.

PENGISYTIHARAN PENGGUNAAN AI

AI Sebagai Sokongan Sahaja: Penulis mengakui penggunaan alat AI hanya digunakan bagi tujuan carian maklumat awal namun tiada sebarang kandungan yang dijana oleh AI disertakan dalam artikel ini.

RUJUKAN

- Abd Razak, M. A., & Ramli, M. A. (2022). Direction of Food Defence in Post COVID-19 Era for Malaysia's Halal Ecosystem. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 8((Special Issue)), 1-10.
- Ahmad, F., Shah, M. Z., & Husny, Z. J. B. I. M. (2022). Exploring the Halal meat cartel case: A legal framework and insight from the regulator. In *Halal Logistics and Supply Chain Management* (pp. 122-131). Routledge.
- Al-‘Amri, I, & Al-‘Ani, M. S. (2010). *Fiqh al-‘uqubat fi al-syariah al-Islamiyyah: Dirasah muqaranah*. Dar-Alketab.
- Al-Jaziri, A. R. (1990). *Al-Fiqh ‘ala al-Mazāhib al-Arba‘ah* (Vol. 1–5). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Qarāfi, A. I. (1998). *Al-Furūq: Anwār al-Burūq fi Anwā‘ al-Furūq* (Vols. 1–4). Beirut: ‘Ālam al-Kutub
- British Standards Institution. (2017). *PAS 96:2017 Guide to protecting and defending food and drink from deliberate attack*. BSI Standards Limited.
- Ibnu Hajar al-‘Asqalani. (2002). Fathul Baari syarah : Shahih Bukhari / Al Imam Al Hafidz Ibnu Hajar Al Asqalani; penerjemah, Gazirah Abdi Ummah. Jilid 12 Jakarta: Pustaka Azzam.
- Manning, L., & Soon, J. M. (2016). Food Safety, Food Fraud, and Food Defense: A Fast-Evolving Literature. *Journal of Food Science*, 81(4), R823-R834. <https://doi.org/10.1111/1750-3841.13256>
- McElwee, G., Smith, R., & Lever, J. (2017). Illegal activity in the UK halal (sheep) supply chain: Towards greater understanding. *Food Policy*, 69, 166-175.
- Md Ariffin, M. F., Mohd Riza, N. S., Hamid, M. F. A., Awae, F., & Nasir, B. M. (2021). Halal Food Crime in Malaysia: An Analysis on Illegal Meat Cartel Issues. *Journal of Contemporary Issues in Business and Government*, 27(2), 1407-1412. <https://doi.org/10.47750/cibg.2021.27.02.152>
- Nik Wajis, N. R. (2025). *Al-Muyassar fi al-fiqh al-Jinayat*. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2020, Januari 22). *Irsyad al-Fatwa Siri ke-378: Amalan sunnah ketika minum susu*. Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/4044-irsyad-al-fatwa-siri-ke-378-amalan-sunnah-ketika-minum-susu>
- Rosa, M. D., Tralalzi, F., & Pagnani, T. (2018). The social construction of illegality within local food systems. In A. Gray & R. Hinch (Eds.), *A Handbook of Food Crime: Immoral and illegal practices in the food industry and what to do about them*. United Kingdom: Policy Press
- Sahari, N. H., Abdul Aziz, N., Harun, N. H., Mazlan, F. A., & Ab. Latiff, J. (2022). Conceptual Framework of a Unified Legal Control of Halal Meat Import for A Sustainable Halal Industry In Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(2-SE), 80-94. doi:10.33102/jfatwa.vol27no2-SE.485
- Salama. "Eu: Horse and Pork Doner Kebabs – Not Very Halal." (2013). <https://halalfocus.com/eu-horse-and-pork-doner-kebabs-not-very-halal/> diakses pada 20/5/2025
- Spink, J., & Moyer, D. C. (2011). Defining the Public Health Threat of Food Fraud. *Journal of Food Science*, 76(9), 157-163. <https://doi.org/https://doi.org/10.1111/j.1750-3841.2011.02417.x>
- Sulaiman, N. S., & Hashim, N. (2022). The Emergence of Halal Food Crimes amidst COVID-19: An Analysis of Illegal and Frozen Meat Issues in Brunei Darussalam. *Journal of Contemporary Islamic Studies* 8.
- Suzalina Halid. (2020). Isu kartel daging import: JAKIM akui wujud kelemahan SOP sijil halal. Berita Harian 29 Disember 2020
- Zakaria, Z., & Ismail, S. Z. (2015). Perkembangan Pengaturan Halal Menerusi Akta Perihal Dagangan 2011 Di Malaysia: The Development Of Regulations Concerning Halal Through Trade Description Act 2011 In Malaysia. *Jurnal Syariah*, 23(2), 189-216.



© 2025 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).